

# Konsep Pembangunan Modal Insan Berkiblatkan Ajaran Islam

*Shaik Abdullah Bin Hassan Mydin Abdullah & Dr. Issham Bin Ismail*

## **Abstrak**

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan konsep modal insan berkiblatkan ajaran Islam berdasarkan Al Quran, Sunnah dan pandangan tokoh pemikir Islam. Seterusnya, kajian ini akan mencadangkan strategi pembangunan modal insan di kalangan masyarakat Aceh. Pembangunan modal insan yang akan bincangkan menjurus kepada tiga cabang iaitu pembangunan pendidikan, pembangunan sahsiah dan pembangunan politik. Diharap penulisan kertas kerja ini dapat membantu usaha murni pembangunan Aceh yang merupakan tanggungjawab ummah.

## **Pendahuluan**

Al-Qur'an menjelaskan bahawa "Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)" (al-Rūm 30:41). Kalam Allah s.w.t dengan bahasa yang begitu jelas dan jitu memaparkan terdapat krisis nilai sehingga mengakibatkan kemerosotan nilai kemanusiaan ke tahap yang amat parah dan senario permasalahan yang menimpa alam adalah bertitik-tolak daripada perbuatan manusia sendiri (Abul 'Ali Hassan Nadwi 1980 : 44).

Demikianlah dalam menelusuri sejarah tamadun manusia menjelang kerasulan Nabi Muhammad s.a.w suatu realiti yang tidak boleh dinafikan adalah kemerosotan nilai manusia ke tahap yang amat parah pada abad yang ke-enam sehingga dunia berada di tebing kehancuran (Abul Hasan 'Ali al-Hasani an-Nadwi 1980 : 13).

Manusia di seluruh dunia pada ketika itu dikuasai nafsu dan kepentingan diri yang ekstrim. Mereka karam di dalam pandangan hidup kebendaan (materialisme) dan memakai undang-undang rimba belantara (Wan Salim Wan Mohammad Noor & Hamdan Mohd Hassan 2000 : 10).

Tegasnya alaf baru kini menyaksikan bahawa nilai manusiawi banyak bergantung kepada nilai kebendaan dan luaran. Benarlah sabda Rasulullah s.a.w :

...akan datang di kalangan manusia suatu zaman di mana yang mereka pentingkan ialah perut mereka, kemuliaan terletak kepada harta benda milik mereka dan kiblat mereka adalah wanita...(Yussof Muhammad 1999 : 12)

Realiti masyarakat manusia sejagat masa kini menunjukkan bahawa mereka sedang menghadapi pelbagai krisis baik dari segi moral mahupun kerohanian (Muhammad 'Uthman el-Muhammady 1987 : 73).

Peri mustahaknya pembangunan modal insan telah diutarakan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Forum Ekonomi Jeddah 2005. Tegas beliau :

“untuk kebanyakan negara sekarang pembentukan modal manusia adalah amat penting, amat perlu atau pun satu perkara yang berkaitan antara hidup dan mati...” (Utusan Malaysia 2005).

Manusia dilihat sebagai ‘modal’ yang dinamakan ‘modal insan’ dan merupakan ‘aset tenaga’ yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi, pembangunan negara, mahupun kemajuan bangsa dan ummah. Modal ini perlu digilap, dibangunkan dan diuji bagi menentukan kemampuannya sebelum dimanfaatkan.

Pembangunan sumber manusia atau modal insan adalah agenda yang diberi penekanan penting dalam ajaran Islam. Dalam konteks lebih luas, modal insan mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif dalam kegiatan sosio ekonomi.

Untuk memahami maksud pembangunan modal insan, kita perlu jelas atau tahu matlamat kewujudan unsur terpenting yang hendak dibangunkan iaitu manusia itu sendiri. Malah matlamat utama kejadian manusia adalah untuk beribadat kepada Allah S.W.T. Perkara ini dijelaskan melalui firman-Nya bermaksud:

“Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembah kepadaKu.” (Surah az-Zaariyat, ayat ke 56)

Untuk mencapai matlamat ini, manusia diperintahkan mengikut ajaran Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad secara menyeluruh. Ini kerana Islam itu lengkap dan meliputi segala aspek kehidupan manusia dan jika manusia mengikut ajaran Islam secara keseluruhan melalui ajaran Al-Quran dan Sunnah, maka dia dijamin untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Firman Allah bermaksud:

“Wahai orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya.” (Surah al-Baqarah, ayat 208)

Konsep pembangunan modal insan berkiblatkan Islam memberi tumpuan kepada pembangunan manusia berteraskan ajaran agama Islam yang syumul. Gagasan modal insan ini akan melalui satu skim program yang menyeluruh yang turut merangkumi aspek fizikal dan rohani agar insan yang bakal dihasilkan nanti adalah insan yang berkualiti dan dinamik.

Strategi yang diambil untuk mencapai kemajuan dengan pembangunan sumber manusia adalah selaras dengan ajaran Islam. Kemakmuran dan kesejahteraan negara banyak bergantung kepada penduduknya. Jadi, jika setiap orang di negara ini mempunyai kualiti keimanan, ketakwaan dan berakhlak mulia, tentu ia akan memudahkan proses untuk mencapai kejayaan dalam ruang lingkup kehidupan.

Kajian ini hanyalah secara peringkat asas dan dasar sahaja. Kajian yang lebih lengkap secara terperinci serta menyeluruh akan dibentangkan pada persidangan yang lain apabila pengkhususan kajian diuruskan pada masa hadapan.

## **Hubungan Manusia dan Pembangunan**

Setiap pembangunan tidak mungkin terlaksana kecuali ada pelakunya (*development actors*). Dalam pembangunan berkiblatkan Islam pelakunya adalah manusia. Begitu juga dalam pembangunan lazim. Namun begitu, konsep manusia yang dipakai oleh teori pembangunan lazim adalah berbeza daripada konsep manusia yang dipakai oleh teori pembangunan yang berkiblatkan Islam. (Muhammad Sukri Salleh 2003 : 25)

Oleh itu, konsep manusia dan konsep pembangunan Islam adalah sangat berbeza daripada konsep manusia dan konsep pembangunan lazim kerana asas epistemologi ilmu Islam dan epistemologi ilmu lazim adalah jauh berbeza.

## **Konsep Insan**

Manusia telah menjadi tema utama dalam kitab suci Al-Qur'an. Hal ini telah dinyatakan dalam "The Meaning of The Qur'an" dan "The Basic Principle of Qur'an" oleh S. Abul A'la Maududi. Menurut beliau bahawa:

As the aim of the Qur'an is to guide man and not to teach nature study or history or philosophy or any other science or art, it does not concern itself with these latter subjects...to invite humanity to the right way. (Maududi 1976 : 13)

Maududi menegaskan bahawa pokok persoalan yang ditimbulkan oleh Qur'an ialah tentang manusia. Sasaran dan objek utama wahyu ialah mengajar manusia ke jalan yang benar. Malah Marshal Hodgson (1984) menyatakan dengan tepat bahawa kosmos al-Quran sangat berbau insan dengan tema yang kukuh akan persamaan matlamat akhir insan. Izutsu pula menegaskan bahkan manusia, tabiinya, tingkah laku, psikologi, tugas dan matlamat akhirnya adalah tujuan pokok dalam al-Quran sebagaimana permasalahan Tuhan Sendiri. (Izutsu 1964 : 75)

Sebagai petunjuk kepada manusia (surah al-Baqarah 2: 185) secara logik al-Quran ditunjukkan tepat kepada manusia. Al-Quran merujuk manusia dengan istilah insan sebanyak 65 dan kata jamaknya sebanyak *al-nas* dan *al-ins* masing-masing disebut sebanyak 240 dan 18 kali, kecuali satu (Surah al-Isra' : 11) kehadiran artikel *al-* yang bersambung dengan insan kelihatan memberi sedikit signifikan. S.H Shamma (1959) mengesyorkan bahawa artikel ini kelihatan mempunyai fungsi yang serupa seperti yang terdapat dalam al-IIIah (Allah) yang telah menampilkan maknanya asal Tuhan kepada Tuhan yang universal dan unik. Dalam kes insan ia kelihatan memberi kelebihan darjat kepada manusia dengan kepentingan universal dan keunikannya. (Wan Muhd. Nor Wan Daud 1994 : 25-26)

Dalam usaha mendekati konsep manusia secara menyeluruh kajian ini ingin meninjau dari pandangan Al-Qur'an dan tokoh-tokoh Islam berkenaan hal insan. Untuk tujuan itu Al-Quran mengandungi serta membicarakan mengenai manusia sebagai insan secara keseluruhannya. Prinsip asas dalam Qur'an mengenai manusia tidak boleh diubah namun manusia digalakkan untuk mengkaji dan menyelidik secara analisis dan membuat pengkhususan mengenainya (Ishammudin Hj. Ismail 1993 : 35-36).

Malah untuk memahami pendekatan Islam secara ilmiah semasa mengaji sesuatu permasalahan maka Al-Qur'an dan As-Sunnah dua sumber yang amat penting (Al-Qaradawi 1999). Jadi, dalam usaha memahami siapakah manusia, Al-Qur'an menggambarkan manusia dari pelbagai jurus pandang dan menjadi pedoman ke arah pembinaan peribadi manusia. Al-Quran juga dengan jelas memberi tumpuan kepada pembinaan dan pembangunan sebagai khalifah Allah dalam memakmurkan bumi serta ciri-ciri insan yang bertamadun. (Mohd. Nakhaie Ahmad 2003 : 91)

Maulana 'Abdullah Yusuf 'Ali tokoh tafsir Qur'an mengakui kesyumulannya mesej Al-Qur'an. ('Abdullah Yusuf 'Ali 1993 : 1909). Firman Allah S.W.T: "Tiadalah Kami alpakan

sesuatupun dalam Al-Kitab (Al-Qur'an)"(Al-An'am:38).“( Ini adalah ) Kitab yang kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan manusia dari gelap gulita kepada cahaya terang-benderang dengan izin Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji”(Ibrahim, 14 : 1).

Jelasnya, mesej utama Al-Qur'an adalah untuk memimpin manusia itu sendiri ke arah kebenaran. Hidayah yang terdapat dalam Al-Qur'an adalah untuk semua manusia sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

The Holy Qur'an claims to be a Book of Hidayah, i.e. Guidance, for man. It is a book that is available to all mankind-Its message is relevant to different people living in different part of the world.(Khurshid Ahmad (ed.) 1982 : 81)

Pada dasarnya tokoh Islam telah banyak menyumbangkan fikrah baik dari segi epistemologi mahupun aksiologi. Namun dalam kajian ini tumpuan utama adalah untuk memaparkan konsep manusia daripada pelbagai perspektif tokoh-tokoh Islam tradisi dan kontemporari. Landasan kerangka teori mereka adalah al-Quran dan al-Sunnah.

#### 1) Imam Al-Ghazali

Konsep manusia menurut Imam Ghazali dapat dikaji dari segi unsur kerohanian yang terdiri daripada roh, nafs, 'aql. (Al-Ghazali, 1980). Imam Al Ghazali di dalam kitab Ihya' telah mengutarakan teori manusia berdasarkan ayat al-Qur'an;

“Dan ketika Aku sempurnakan kejadiannya(manusia), Aku meniupkan roh-Ku ke dalam dirinya.”(Shad 38 : 72)

Rahardjo (1985) menyatakan bahawa manusia terbentuk apabila wujud pertemuan antara roh dan badan. Malah Abul Quasem (1975) menegaskan manusia menurut Al-Ghazzali adalah:

Man, Al-Ghazzali believes is created by god as a being composed of a soul, which is the core of man, is a divine spiritual entity of great subtlety (latifa rabbaniyya ruhaniyya). The terms used by al-Ghazzali for it are qalb, ruh, nafs and 'aql.

Jadi manusia yang diciptakan Allah S.W.T memiliki unsur-unsur rohaniah iaitu qalb, roh, nafs, dan 'aql.

Imam Al-Ghazali menegaskan bahawa manusia adalah makhluk yang kompleks, kebendaan, sayangkan kehidupan dan kepandaian manusia suka memuaskan estetika dan benda-benda yang cantik, di samping itu manusia mempunyai roh Ilahi yang bertentangan dengan nafsu itu. Manakala dalam bukunya Kimia Sa'adah menerangkan bahawa manusia yang menentang hukum-hukum Allah adalah akibat tiadanya pengetahuan dan kegagalan memahami erti kehidupan(Abdul Manaf, 1996).

Umaruddin (1991) menyatakan dalam mengkupas sifat manusia Imam Al-Ghazali menegaskan bahawa manusia memang berkebolehan untuk mencapai taraf malaikat dengan suluhan ilmu dan boleh juga jatuh tersungkur lebih rendah dari taraf haiwan jika terpengaruh dengan kemewahan dan kemarahan. Malah beliau menekankan kepentingan ilmu dalam membantu memberi kesedaran tentang hakikat dirinya yang tinggi, suci dan murni.

Di samping itu Al-Ghazali turut membicarakan tentang pelbagai sifat manusia di dalam kitab Ihya' iaitu sifat jahat, sifat haiwan, sifat syaitan dan sifat malaikat. Keempat-empat sifat ini memang ada pada jiwa manusia. Tindakan yang mulia menyucikan serta membawa nur pada jiwa sementara tindakan jahat dan membawa dosa mengotorkan jiwa sehingga hilang nurnya. Menurut Fazlul Karim (1978) bahawa menurut imam Ghazzali manusia memiliki empat sifat atas dirinya :

1. Beastly nature – represented by anger, enmity, hatred, rebuke, attack on people.

2. Animal nature – represented by inordinate sexual passion or lust.
3. Devilish nature – represented by deceit, fraud, conspiracy, etc.
4. Angelic nature – represented by divine service, remembrance of Allah, doing good to others, etc.

All the four natures are located in the soul. Alghazzali metaphorically describes the human soul as a mirror that reflects the human qualities of an individual either good or evil. Acts of virtue make the soul shine, resplendent and bright, while evil and sinful acts of an individual incur spiritual darkness on the soul (Fazlul Karim, , Vol 3 : 10, 11 & 15).

Pendek kata huraian Imam Al-Ghazali cukup jelas bahawa manusia memang ada kecenderungan untuk meningkatkan hakikat dirinya yang suci bersih. Namun manusia juga akan terjerumus ke lembah yang lebih rendah dari haiwan. Ilmu dan tindakan yang mulia adalah penting untuk menyucikan diri manusia.

#### 2. Ibn Khaldun (732H/1332M-808/1406)

Menurut Mahmoud Dhaouadi (1997) Ibn Khaldun membahaskan tabiat manusia menekankan fitrah manusia seumpama diwawarkan dalam Al-Qur'an dan Hadith yakni manusia secara semula jadinya dilahirkan Islam dan kecenderungan untuk mendekati hukum Ilahi. Semakin kembali kepada fitrah semakin baik manusia itu. Malah beliau juga menegaskan bahawa konflik tercetus dalam sifat manusia yang bertentangan iaitu sifat haiwan dan dimensi manusiawi. Namun manusia dapat memelihara fitrahnya dengan pimpinan Agama sebagai model untuk nilai moral. Manusia juga mempunyai sifat zalim dan tidak adil daripada sifat binatang kerana dikuasai oleh sikap pembaziran kemewahan (sifat haiwan) yang membawa kehinaan dan keruntuhan. Dalam mengkaji penjelasan Ibn Khaldun mengenai keperibadian manusia didapati wujud empat sifat. Antaranya adalah :

##### a. Tabiat Fitrah manusia

Ibn Khaldun menjelaskan tabiat manusia dengan menggunakan konsep fitrah yang disarankan oleh Al-Qur'an dan As-Sunnah. Dalam kedua-dua sumber rujukan Islam ini, konsep fitrah menjelaskan tabiat manusia yang ingin hidup secara seimbang berpandukan hukum alam sejagat. Berpandukan kayu ukur ini, Ibn Khaldun menilai kualiti seseorang individu, kumpulan, masyarakat dan tamadun. Ibn Khaldun menegaskan selain manusia berpegang ke hukum fitrah ini selagi itulah mereka menjadi berjaya dan berguna.

##### b. Sifat Manusia Dwi-dimensi

Pendapat kedua mengenai sifat semulajadi manusia ialah konflik dalaman sifat semulajadi manusia. Menurut Ibn Khaldun, konflik dalaman ini berpunca daripada dwi-dimensi sifat manusia. Beliau menterjemahkan dwi-dimensi ini sebagai sifat kemanusiaan dan juga sifat kehaiwanan. Konflik dan kesusahan timbul akibat konflik daripada dua sifat semulajadi tersebut. Manusia akan terikut kepada sifat kehaiwanan jika luput nilai-nilai kebaikan dalam sifat kemanusiaan. Namun demikian, menurut Ibn Khaldun, manusia mampu memelihara kesucian sifat kemanusiaannya apabila ia berpaut dengan agama sebagai model serta petunjuk ke arah perbuatan yang baik.

##### c. Sifat agresif manusia

Ibn Khaldun menyatakan bahawa dasar kepada sifat agresif dan ketidakadilan manusia tertanam dalam sifat kehaiwanan yang berakar dalam diri manusia. Memandangkan manusia bersikap agresif dan tidak adil, manusia jatuh ke peringkat kehaiwanan kerana sikap agresif dan ketidakadilan didominasi oleh sifat kehaiwanan dan kebendaan manusia.

#### d. Sifat Dinamik manusia

Ibn Khaldun mengutamakan sifat dinamik manusia yang wujud dalam fitrah manusia. Menurut Ibn Khaldun, manusia mampu bergerak ke peringkat fitrahnya jika ia hidup dan berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya atas situasi keislaman yang hakiki (Mahmoud, Dhaouadi 1997: 108-112).

Maka Ibn Khaldun menegaskan manusia secara fitrahnya cenderung hidup sebagai muslim tetapi cenderung sifat kehaiwanan akibat pengaruh nilai-nilai yang tidak baik seperti kelalaian, kemewahan, kebendaan dan ketidakadilan. Pegangan agama adalah penting untuk membimbing manusia menyedari fitrahnya.

Selain itu dalam karya agungnya Muqaddimah beliau merumuskan bahawa Allah S.W.T telah melantik manusia sebagai Khalifah kerana anugerah akal fikiran dan segala dalam dunia tunduk kepadanya. Namun manusia tidak boleh hidup sendiri tanpa masyarakat (Ibn Khaldun. 1986 : 411-412, 416-417)

### 3. Allamah Mohamed Iqbal (1873M-1938M)

Menurut Iqbal dalam membentuk personaliti seseorang individu, beberapa faktor mempengaruhi dirinya. Antara faktor utama ialah :

1. Cinta
2. Faqr
3. Keberanian
4. Kesabaran
5. Kasb-i-Halal; yang lebih mudah diterjemahkan sebagai mencari penghidupan atas pencarian yang halal.
6. Mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang original dan yang kreatif  
(Ashraf Nurdin, 1985 : 39)

Sementara Hassan (1970) menyatakan bahawa bagi Iqbal kebenaran adalah kualiti yang diakui sebagai unsur sah karakter manusia. Sejarah manusia adalah sejarah pasang-surut keberanian manusia untuk mempertahankan nilai-nilai keadilan dan kebenaran. Tidak menghairankan apabila Iqbal menempatkan keberanian sebagai gambaran yang sangat penting dari pencapaian manusia

Selain itu, Sharia'ti (2000) menegaskan bahawa Iqbal menekankan konsep manusia yang seimbang dari segi memenuhi keperluan dunia dan akhirat. Manusia harus bertanggungjawab di dunia tanpa menjadi hamba kepada kemajuan dunia materialistik. Seorang muslim harus bergerak maju merubah nasib di dunia tanpa menyerah kepada takdir semata-mata. Sebaliknya seorang muslim harus memikirkan keadaan masyarakat dan berjihad membela nasib dalam masyarakat dengan tidak mengabaikan tuntutan spiritualnya.

Seterusnya menurut Iqbal seorang muslim yang tulen berpegang dengan doktrin tauhid yang syumul serta tidaklah dalam keadaan yang berdiam diri dan memperhamba dirinya dengan apa yang ada di sekelilingnya. Dia berjuang dan berjuang untuk hidup selama

hayatnya untuk menguasai alam hidupnya dengan sebaik-baiknya. (Ashraf Nurdin 1985). Dalam perjuangan itu terletak harga dirinya itu. Iqbal lantas mengungkapkannya dalam bahasa simbolik tentang doktrin tauhid dan hidup itu sebagai perjuangan seperti ini :

#### **Doktrin Tauhid**

Apakah yang menanamkan satu nafas itu ke dalam ratusan hati?

Inilah rahsia dari kepercayaan dalam Tauhid.

Bersatulah dan buatlah tauhid menjadi nyata,

Sedarilah bahawa yang terpendam itu punya erti dalam gerak-gerinya,

Iman dan bijaksana dan undang-undang timbul darinya,

Dia adalah punca dari kekuatan, kuasa dan kestabilan.

#### **Hidup Adalah Perjuangan**

Kesampingkanlah cerita-cerita tentang rama-rama yang resah,

Cerita-cerita yang mengapi-api tidak diterima telingaku,

Rama-rama itu adalah rama-rama yang benar,

Yang aktif dalam hidupnya dan yang dapat menelan api (Ashraf Nurdin 1985 :105-106).

Penjelasan Iqbal tentang konsep manusia menekankan bahawa manusia adalah dinamik dan positif. Namun kekuatan yang ada pada manusia tidak dapat dikembangkan andaikata manusia menerima keadaan yang sedia ada dan menyerah kepada takdir semata-mata. Manusia perlu terus bergerak aktif untuk menguasai alam dengan pegangan aqidah yang utuh.

#### **4. Nuruddin Ar-Raniry**

Konsepsi manusia menurut Syeikh Nuruddin tentang manusia sangat diwarnai oleh ajaran mistik yang dianutinya. Beliau memandangkan manusia sebagai makhluk Allah yang paling sempurna di dunia ini. Manusia adalah khalifah Allah di bumi dan merupakan mazhar (tempat kenyataan) asma dan sifat Allah yang paling lengkap dan sempurna. Di samping itu manusia terdiri dari unsur roh dan jasad (Ahmad Daudy 1983 : 131 ).

Selain itu Syeikh Nuruddin juga membicarakan unsur-unsur rohani seperti ruh, ‘aql, nafs dan qalb seperti yang dinyatakan oleh Imam Ghazzali. Namun beliau menegaskan ruh dan jasad saling memerlukan kerana dua unsur itu terwujudlah apa yang disebut manusia. (Ahmad Dauby 1983 : 171).

Maka jelas bahawa perbicaraan Syeikh Nuruddin tentang konsep manusia sebagai Khalifah Allah yang memiliki sifat ketuhanan dan kesepaduan jasad dan ruh dalam diri manusia.

#### **4. Syed Naquib Al-Attas**

Al-Attas menjelaskan tabie manusia adalah merangkumi unsur jasmani dan rohani. Hakikat ini telah dihuraikan dalam al-Qur’an sebagaimana berikut :“Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan-Ku) maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud” (al-Hijr (15) : 29). “Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian kami jadikan saripati itu air mani yang disimpan di tempat yang kukuh (rahim). Kemudian air mani itu Kami menjadikan segumpal darah dan segumpal darah itu Kami jadikan tulang belulang lalu tulang belulang itu kami bungkus dengan daging. Kemudian kami jadikan dia makhluk dalam bentuk yang (berbentuk) lain. Maka Maha Suci Allah Pencipta Yang Paling Baik” (al-Mu’minūn 23 : 12-14) ( al-Attas, 1993 : 139).

Sementara dalam makalah berjudul, *The Meaning Happiness and Experience in Islam* (1996), ditegaskan bahawa kebahagiaan (*Sa'adah*) manusia itu melibatkan aspek dunia dan akhirat. Namun kebahagiaan yang hakiki manusia adalah di alam akhirat dan menolak tanggapan sekularisme kononnya kebahagiaan tiada hubungan dengan sifat-sifat seperti budi pekerti, akhlak mulia, kerohanian dan keyakinan metafizik.

Dan dalam bab tentang *The Nature of Man and the Psychology of Human Soul* (1996), beliau mengupas sifat-sifat psikologi manusia berasaskan pemikiran tradisional Islām warisan Ibn Sina dan Imam al-Ghazzāli. Istilah-istilah yang dipelopori kedua-dua tokoh itu terutamanya Imam al-Ghazzāli seperti *al-qalb*, *al-nafs*, *al-ruh*, dan *al-'aql*, dibahas secara ilmiah untuk tatapan ilmuwan Islam agar tidak mudah terpesona dengan falsafah humanis sekular. Dalam konsep Ilmu pula, beliau mentafsirkan kerangka epistemologi Islam yang menyeluruh. Menurut tokoh kontemporari ini akal manusia yang merupakan unsur rohaniah yang dapat membezakan antara haq dan batil. Menurut beliau bahawa:

*The real nature of aql is that it is a spiritual substance by which the rational soul (annafs alnatiqah) recognizes and distinguishes truth from falsehood* al-Attas, 1991 : 14 ).

Di samping mengupas hubungan aql dan hati sebagai unsur rohaniah, selanjutnya Syed Naquib al-Attas dalam karyanya, *Prolegomena To Metaphysics Of Islam* (1996) telah membahaskan topik-topik yang berkaitan dengan Tasawwur Islām. Dalam makalah beliau yang berjudul, *The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality* (1996), beliau menjelaskan konsep manusia dalam kaitan dengan huraian beliau yang bercorak semantik tentang istilah al-Dīn. Justeru jelas bahawa manusia adalah makhluk yang paling mulia, sangat unik, memikul amanah sebagai khalifah Allah untuk memakmurkan bumi.

### **Konsep Pembangunan**


Menurut Abduh (1404H), pembangunan(al-Tanmiyah) bermaksud penyuburan dan pemurnian diri insan. Terdapat beberapa istilah yang berkaitan dengan al-tanmiyah dalam al-Quran seperti al-Tazkiyah(penyuburan), seperti tersebut dalam surah al-Syams: 9, Pembinaan (al-Bina') seperti tersebut dalam surah al-Saf :4. Dalam hubungan ini sasaran utama pembangunan adalah manusia itu sendiri (Nailul Murad Mohd.Nor & Hanapi Md. Noor 2002).

Fathi Yakan (2002) pula menyatakan pembangunan (al-Tanmiyyah) juga membawa maksud peningkatan, kebangkitan dan pertambahan. Dalam konteks Islam peningkatan dan penambahan ini dari semua aspek kehidupan kerana sifat kehidupan ini sentiasa berubah tidak berhenti-henti dan jika tiada peningkatan maka matilah ia. Hadith Rasulullah s.a.w menegaskan

“Buatlah pekerjaan di dunia seperti kamu akan hidup padanya selama-lama dan beramallah untuk akhirat seperti kamu mati esok hari”.

Sementara Muhammad Syukri Saleh (2002) menegaskan bahawa konsep pembangunan berkiblatkan Islam adalah pembangunan yang berasaskan kepada kepada keesaan Allah, matlamat ialah keredahan Allah (*mardatillah*) dan kerangkanya mencakupi skala waktu panjang iaitu waktu kehidupan di alam roh, dunia dan akhirat. Sepanjang skala itu, manusia mesti mencapai kebahagiaan (*hasanah fid-dunia wa hasanah fil-akhirat*). Kedudukan pembangunan berkiblatkan Islam adalah digambarkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Kedudukan Pembangunan dalam Perjalanan Hidup Manusia



(Sumber: Muhammad Syukri Saleh :”Pembangunan Berteraskan Islam”

Daripada Rajah 1 jelas bahawa Allah s.w.t telah menciptakan pelbagai sumber-sumber alam untuk dimanfaatkan oleh manusia. Jadi manhaj pembangunan manusia meliputi pelbagai aktiviti hidup manusia yang berkiblatkan Din al-Islam. Pembangunan digabungkan dengan pelbagai kehidupan Islam yang lain secara holistik (menyeluruh) sebagai firman Allah s.w.t :

Hai orang beriman masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan dan jangan kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.(Al-Baqarah : 208).

Maka dalam perjalanan hidup manusia pembangunan adalah bermatlamatkan untuk mencapai kebahagiaan dunia dan kebahagiaan akhirat. Matlamat utama pembangunan modal Insan yang berkiblatkan Islam adalah untuk membangun dan menjadikan insan yang bertakwa dan bertanggungjawab menjalankan amanahnya iaitu menegaskan fungsi ubudiyiah.

Islam menegaskan manusia dijadikan untuk beribadah. Sebabnya, ibadah adalah untuk kebaikan pada diri manusia itu sendiri. Ertinya, apabila Allah s.w.t ‘meminta’ manusia beribadah, bukanlah bermakna Allah telah meminta sesuatu (rezeki) daripada manusia, bahkan sebaliknya, Dialah yang memberi rezeki pada manusia. Tegasnya, Islam mempunyai suatu cara tersendiri untuk membangunkan manusia, lebih-lebih lagi yang bertaraf insan-suatu kualiti dan ciri termulia yang boleh diwujudkan dalam manusia. Justeru apabila manusia dapat mengenali dirinya secara lebih jauh dan mendalam lagi, khususnya dari konteks fitrahnya, manusia akan bertukar menjadi insan yang sungguh mulia lagi yang berhikmah. Inilah gambaran yang diberikan dalam ajaran Islam.

Maka manhaj (program) pembangunan modal insan adalah penting kerana bangun atau runtuh sesebuah negara bergantung kepada modal Insan yang dihasilkan. Konsep

pembangunan modal insan lebih menjurus kepada pembinaan dan pengembangan daya atau potensi yang terdapat dalam diri setiap individu.

### **Aceh dan Kebangkitan : Sepintas Lalu Sejarah Kerajaan Islam Aceh**

Kerajaan Islam Aceh merupakan salah satu pusat keagungan tamadun Melayu tradisional yang mencapai zaman kegemilangannya pada masa pemerintahan Sultan Ali Mughayat Shah (1511M-1522M) dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam . Malah Aceh juga adalah kerajaan Islam yang terbesar ketika itu di Nusantara serta berperanan sebagai benteng Islam dalam mempertahankan syariat Islam maka memang layaklah Aceh digelar “Serambi Mekah”. Justeru orang-orang Aceh zaman sekarang mengalir darah Islam dan pengaruh kebudayaan Islam begitu mendalam di kalangan di kalangan orang Aceh dan hakikat sejati itu tidaklah hilang(Hamka 1994 : 796).

Namun sekarang Aceh merupakan kawasan yang paling teruk dilanda gempa bumi 26 Disember 2004. Beberapa tempat di persisiran pantai dilaporkan musnah sama sekali. Malah Banda Aceh turut hampir musnah dilanda tsunami.

Aceh mempunyai khazanah sumber bumi seperti minyak dan gas asli. Majoriti penduduk di Aceh adalah beragama Islam. Selain itu provinsi Aceh memiliki keistimewaan dibandingkan dengan provinsi yang lain, kerana di provinsi ini syariat Islam diterima sebahagian besar warganya yang menganut agama Islam.

### **Kebangkitan Aceh**

Walau pun Aceh telah berubah wajah dari sebuah daerah yang maju, pesat membangun dan berpegang kepada syariah Islam setelah berlaku bencana tsunami Disember 2004 dan hampir-hampir menjadi padang jarak padang terkukur namun ini tidak bermakna Aceh akan tidak mempunyai masa depan yang cemerlang. Aceh akan bangkit semula menjadi lebih maju daripada keadaan sebelum bencana tsunami. Hakikat berlaku kebangkitan ini tidak mustahil jika kita mengkaji al-Quran dan zaman kebangkitan Islam.

Yusuf Qaradawi (1998) menegaskan kebangkitan merupakan naluri umat Islam. Jika kita meneliti sejarah Islam kita akan dapati bahawa Islam tiada ketandusan. Allah akan sentiasa akan mengutus manusia-manusia yang mengerakan dan membangunkan umat yang telah yang ditimpa bencana atau masalah dari kalangan ulama, pendidik, panglima, pemimpin yang soleh atau gerakan Islam untuk bangun dan bangkit memulihkan keadaan yang lemah kepada keadaan yang lebih kuat.

Allah s.w.t sendiri berjanji untuk membantu, menyelamatkan, membangun, mempertahankan, memberi ketuanan dan bersama-sama mereka yang beriman dan bersabar. Firman Allah yang bermaksud ...Kami berkewajipan membantu orang-orang beriman.(Al-Rum : 47) dan Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman...(Yunus : 103). Malah ketika kesengsaraan semakin meningkat dan memuncak ketahuilah bahawa jalan keluar semakin hampir. Bak kata penyair :

“Tiada kesengsaraan memuncak jalan keluarmu pun tersedia”


“Telah hampir malammu menjadi cerah”(Yusuf Qaradawi 2000 : 25)

Pembangunan manusia dari tahap yang mundur kepada tahap pesat membangun adalah sunnah Allah iaitu sunnah *at-tadawul* atau *al-mudawalah*(pengiliran). Ia adalah sunnah yang telah diperakui dalam al-Quran al-Karim melalui surah Ali-Imran yang bermaksud : Jika kamu (pada perang uhud) mendapat luka maka sesungguhnya kaum kafir itupun (pada perang

Badar) mendapat luka yang sama. Dan masa (kejadian dan kehancuran) itu, Kami gilirkan antara manusia. (Ali Imran : 140). Malah perpatih menegaskan “Berterusan sesuatu keadaan adalah perkara-perkara yang mustahil berlaku. (Yusuf Qaradawi 2000 : 138)

Seterusnya kalau kita perhatikan rajah 3 di bawah yang menunjukkan turun naik kegemilangan Islam dengan kegemilangan barat, jelas abad ke-21 adalah era kegemilangan Islam. Abad ke 21 adalah era kegemilangan ummah untuk menguasai global. (Tajul Ariffin Nordin & Nor’ Aini Dan 2002 : 160)

Rajah 2 Graf turun naik di antara kegemilangan Islam dan Barat




Insyallah, Aceh juga berpotensi untuk mencapai pembangunan yang lebih baik daripada keadaan sebelum ini sesuai dengan ungkapan al-Iman Hassan al-Banna “Sesungguhnya giliran (seterusnya) adalah untuk kita (Islam). (Yusuf Qaradawi 2000 : 130).

**Pembangunan Modal Insan Zaman Rasulullah s.a.w**

Pembangunan modal insan yang dibangunkan oleh Nabi Muhammad s.a.w adalah merupakan revolusi kemanusiaan yang mengagumkan yang pernah tercatat dalam sejarah manusia seperti dapat dirumuskan dalam Rajah 3 seperti di bawah :

Rajah 3 : Asas-asas Pembangunan Modal Insan Zaman Rasulullah s.a.w



(diadaptasi daripada pandangan Abul Hassan Nadwi 1980 “Islam dan World’ (trej. Mohmammad Asif Kidwi) Academy of Islamic Research and Publications, Lucknow) tentang pembangunan manusia dan kemanusiaan selepas kedatangan Nabi Muhammad s.a.w)

Huraian Rajah 3 : Pembangunan modal manusia zaman Nabi Muhammad s.a.w

### **Shari'ah (Din) sebagai asas**

Rasulullah s.a.w dalam membina modal insan, menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna dari segi kaedah dan modus operandinya. Sejak permulaan dakwah Islam di Mekah, Nabi Muhammad s.a.w menegaskan Islamlah satu-satunya jalan (shariah) dan manhaj yang sesuai untuk membangun manusia yang dilanda kerosakan teruk nilai kemanusiaan di seluruh alam khususnya pada abad ke-6. Baginda berjaya membentuk individu yang sanggup berkorban nyawa dan harta untuk berdakwah ke seluruh dunia kehebatan Islam dalam membangun manusia dan kemanusiaan.

Perubahan yang ditimbulkan oleh Rasulullah s.a.w dalam jiwa para sahabat sungguh menakjubkan yang pernah tercatat dalam sejarah manusia. Islam dijiwa sepenuhnya sehingga mempengaruhi seluruh kehidupan mereka. Rasulullah s.a.w berjaya membangunkan sumber manusia yang mantap Islam dan iman. Pada permulaan Islam di Mekah, kisah perjuangan Bilal bin Rabah r.a dan keluarga Ammar bin Yasir untuk mempertahankan identiti Muslim walaupun berada di ambang maut.

Nabi Muhammad berjaya membangun peribadi-peribadi yang unggul dari segi ucapan dan tindak-tanduk. Khulafah Rasyidin adalah model modal Insan yang mendapat didikan langsung daripada Rasulullah s.a.w telah berjaya merubah peta dunia yang dicemari kejahilan kepada kehidupan penuh cahaya dan kebahagiaan.

Malah individu biasa yang telah melakukan kesalahan memperlihatkan nilai tanggungjawab dan amanah yang tinggi. Contoh kisah Maiz dan Ghadimah yang membuat pengakuan secara peribadi kepada Rasulullah s.a.w tentang keterlanjuran mereka dan menuntut agar Nabi Muhammad menghukum mereka walaupun diberi peluang untuk bertaubat beberapa kali. Oleh sebab cinta kepada Islam melebihi segala-segalanya maka mereka mahu bertanggungjawab atas sikap telah ingkar perintah Allah. Cinta dan sayang pada Islam melebihi kepentingan diri lantas kita menyaksikan individu-individu yang sangat berkoban jiwa dan raga untuk Islam dan hidup kerana Islam. Inilah insan modal yang dibangun oleh Nabi Muhamad iaitu ikhlas dan jujur mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap atau dikenali sebagai Din.

Pendek kata insan modal yang dibangun oleh Rasulullah s.a.w adalah insan berjiwa Islam yang hidup dan mati untuk menegakan Dinul Islam yang dicinta setulus hati. Malah kejayaan besar Nabi Muhammad s.a.w dalam membangun insan modal adalah apabila lahirnya insan-insan yang bangga dan yakin bahawa Islamlah penyelamat umat Islam. Kekuatan dan potensi manusia terserlah apabila manusia menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap yakni sebagai Din. Sejarah tamadun Islam menjadi saksi tentang betapa hebat dan unggul manusia Muslim di kala hidup berpaksikan din manakala di kala meninggalkan cara hidup Islam.

Renungilah kata-kata mutiara Jamaluddin Afgani : “Tamadun Islam hebat di waktu umatnya berpegang pada Islam (al-Quran) dan Tamadun Barat hebat di waktu umatnya meninggalkan gereja (bible)”.

### **Pembangunan Pendidikan**

Rasulullah s.a.w membangun modal insan dengan memberi keutamaan dan penekanan kepada pendidikan tauhid yang benar. Nabi Muhammad menegaskan menuntut ilmu adalah suatu kewajiban semua manusia baik lelaki mahupun wanita. Menurut Prof. Osman Bakar (1994)

sejarah tamadun manusia di bumi tidak bermula dalam kejahilan dan kegelapan seperti yang dipercayai oleh golongan atheis. Sebaliknya kehidupan manusia pertama telah diasaskan atas landasan bimbingan ilmu dari langit.

Dalam menerangkan asal-usul tamadun manusia, kitab suci al-Quran menegaskan bahawa sebelum manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s memulakan kehidupan di bumi bersama-sama isterinya, terlebih dahulu dia telah diajarkan “nama-nama segala benda”. Intisari ilmu yang diajarkan kepada Nabi Adam a.s ialah ilmu tauhid iaitu ilmu yang menegaskan hakikat Keesaan Allah SWT. Ilmu tauhid adalah hujung pangkal segala ilmu yang lain dan ilmu yang paling tinggi martabatnya dalam susunan atau hierarki ilmu.

Berdasarkan al-Quran, menurut ahli antropologi Islam, manusia pertama adalah manusia *muwahhid* yakni penganut ajaran tauhid atau penyembah Tuhan Yang Maha Esa(satu). Manusia *muwahhid* tidak muncul dalam sejarah hasil daripada satu evolusi budaya seperti yang didakwa oleh August Comte dan kebanyakan ahli-ahli antropologi moden.

Menurut pandangan Islam manusia *muwahhid* muncul lebih awal di pentas sejarah daripada manusia *musyrik (polytheist)*. Syirik hanya berleluasa dengan lenyapnya ajaran tauhid atau lemahnya pegangan manusia kepada ajaran tersebut lantaran kejahilan yang berleluasa.

Ajaran tauhid ialah anak kunci untuk membuka gedung ilmu. Sifat Islam sebagai agama ilmu juga jelas kelihatan pada dasar dan sistem kepercayaan iaitu rukun iman dalam Islam. Islam menolak keimanan yang diasaskan atas asas ikutan semata-mata tanpa ilmu dan kefahaman yang menyokong keimanan tersebut. Di sinilah dapat dilihat hubungkait yang sangat rapat antara tawhid dan keperluan ilmu.

Keimanan yang sebenarnya tidak mungkin wujud tanpa asas ilmu dan begitu juga ilmu tidak mungkin memberi manfaat yang abadi tanpa dipandu oleh panduan wahyu. Kesepaduan ilmu dan tawhid inilah yang melonjakkan tamadun Islam dan menjadikannya tamadun yang banyak memberi sumbangan kepada kemanusiaan seluruhnya.

Malah tradisi pemikiran Islam berkembang pesat atas prinsip pembuktiaan dan dalil-dalil ilmiah yang membenarkan keenam-enam rukun iman dengan melibatkan pelbagai disiplin ilmu seperti kosmologi, psikologi dan metafizik. Ahli sains Islam silam tidak pernah menghadapi sebarang masalah untuk menerima kebenaran ilmu tauhid dan pada masa yang sama menjalankan penyelidikan ilmiah dalam bidang seperti fizik, biologi dan astronomi.

Islam memilih ilmu sebagai jalan utama untuk kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Malang sekali bagi umat Islam hari ini bahawa dengan begitu banyak ajaran dalam agama Islam yang mengutamakan dan mengagungkan ilmu, namun umat masih jauh ketinggalan dalam banyak bidang ilmu pengetahuan.

Malah Menurut Hairuddin Harun (1970) dalam bukunya *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam*, kesemua aktiviti ilmiah yang berlaku sepanjang zaman kegemilangan tamadun intelektual Islam adalah cetus dan dorongan yang bersumberkan perintah al-iqra' dalam al-Quran.

Tegas, ayat 1-5 dalam surah al-‘Alaq tersebut memberi satu *Weltanschauung* (pandangan hidup) yang jelas serta mampu mengatasi mitos. Malah surah al-‘Alaq menjadi pendorong dan membakar semangat umat Islam abad ke-7 hingga ke-12 dalam mencari ilmu. Di sinilah kemungkinan terletaknya rahsia sumbangan umat Islam kepada perkembangan ilmu amnya dan sains, khususnya. Surah iqra' itu adalah pencetus dan dorongan yang jitu kepada kepentingan menuntut ilmu.

Seterusnya, dari sudut sejarah dan falsafah sains terdapat lebih kurang 756 ayat yang menekankan kepentingan pencarian ilmu dan pembinaan intelek. Kesemua 756 ayat tersebut menyeru manusia agar meneliti dan mengkaji ayat-ayat Allah atau tanda-tanda kebesaran Allah SWT yang wujud dalam alam tabii. Pengkajian alam tabii akan membantu manusia meneguhkan keimanan kepada *Khaliqnya*.

Dorongan dan semangat iqra' telah menyedarkan umat Islam kepada peri pentingnya ilmu. Mereka amat menghargai khazanah pengetahuan yang ada pada tamadun semasa dan juga tamadun lampau.

### **Pembangunan Sahsia**

Rasulullah s.a.w dalam membangun modal insan menekankan pembangunan sahsiah sebagai salah satu komponen asas Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ini menggambarkan kedudukannya yang sangat penting sebagai salah satu daripada tunjang Islam itu sendiri.

Rasulullah SAW ditanya, apakah al-Din itu? Lalu baginda menjawab al-Din ialah akhlak yang baik. Sabdanya lagi “sebaik-baik iman orang mukmin itu ialah yang paling tinggi akhlaknya”.

Akhlak berkait rapat dengan aspek kejiwaan dan dalaman manusia. Aspek dalaman merupakan asas bagi penilaian manusia di sisi Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “Allah tidak melihat kepada jasad dan rupa kamu tetapi Ia melihat kepada amalan dan hati kamu”. Aspek mengenai hati dan yang berkaitan dengannya merupakan bidang dalam ilmu akhlak Islam.

Pengutusan Rasulullah SAW ke alam ini bertujuan untuk menanamkan kemuliaan akhlak daripada kalangan manusia yang sebelumnya hidup tanpa satu sistem akhlak yang adil, universal dan saksama. Sabda baginda yang bermaksud “sesungguhnya aku diutuskan bertujuan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”.

Akhlak yang dipelopori oleh Rasulullah s.a.w bersifat menyeluruh dan mencakupi segenap segi hubungan dalam kehidupan manusia seperti berikut:

- **Akhlak dengan Allah SWT dan RasulNya.**

Akhlak dengan Allah dan RasulNya bermakna menumpukan sepenuhnya ketakwaan, keimanan, kepatuhan dan keikhlasan kepada Allah SWT dalam segenap aktiviti kehidupan. Tuntutan mentaati Allah SWT dan RasulNya merupakan tuntutan yang asasi yang terlalu banyak ditekankan oleh al-Qur'an dan al-hadis. Firman Allah yang bermaksud

Dan tidak diperintahkan mereka itu(segala manusia) melainkan untuk beribadat kepada Allah SWT dengan penuh keikhlasan bagiNya”(al-Bayyinah:5)

Akhlak dengan Allah juga menuntut kita sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah. Mensyukuri nikmat Allah ialah dengan cara mentaati perintahNya dan menjauhi laranganNya. Firman Allah yang bermaksud :Berkatalah(Sulaiman) ini adalah anugerah Tuhanku untuk mengujiku sama ada aku bersyukur atau ingkar ...”(al-Naml:40)

- **Akhlak dengan diri sendiri**

Akhlak dengan diri sendiri menuntut manusia menunaikan hak-hak dan tuntutan dirinya seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT sama ada melalui peraturan syariatnya atau peraturan *nature* kejadiannya sendiri dari segi jasmani, ruhani, intelek dan emosi. Maksud firman Allah, "... dan jangan kamu campakkan dirimu dalam kebinasaan ..." (al-Baqarah:195)

Sabda Rasulullah SAW "Sesungguhnya bagi dirimu ke atas kamu ada hak, dan bagi ahli keluargamu keatasmu ada hak, maka tunaikanlah hak bagi setiap yang berhak". (al-Bukhari)

- **Akhlak dengan manusia lain.**

Berakhlak dengan manusia lain menuntut seseorang individu agar mempunyai perasaan dan bertingkah laku sewajarnya terhadap manusia lain berdasarkan kedudukan mereka. Dalam hal ini manusia lain boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:-

- i) Ibubapa
  - Firman Allah SWT bermaksud "dan Allah SWT telah wajibkan agar kamu tidak beribadat melainkan kepadaNya dan dengan kedua ibubapa hendaklah berbuat baik ..." (al-Isra':23)
- ii) Tanggungan
  - Firman Allah SWT bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan ahli keluargamu dari api neraka ..." (al-Tahrim:6) Sabda Rasulullah SAW "perintahkan anakmu sembahyang ketika berumur tujuh tahun, rotankan ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur mereka".
- iii) Kaum kerabat
  - Firman Allah SWT bermaksud "Bukanlah kebaikan itu bahawa kamu menghadapkan mukamu ke arah timur atau barat tetapi kebaikan itu ialah sesiapa yang beriman dengan Allah, dan hari akhirat dan malaikat dan kitab dan nabi-nabi dan memberikan harta kepada yang dikasihinya daripada kaum kerabatnya dan anak-anak yatim ..." (al-Baqarah:177)
- iv) Jiran tetangga
  - Sabda Rasulullah SAW "sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan jirannya". Sabda baginda lagi "tidak (sempurna) iman seseorang yang tidur dalam kekenyangan sedangkan jirannya dalam kelaparan"
- v) Masyarakat
  - Firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami jadikan daripada lelaki dan perempuan dan Kami ciptakan berpuak-puak dan berkabilah supaya kamu dapat saling mengenali ..." (al-Hujurat:13)
  - Sabda Rasulullah SAW bermaksud "Bertaqwalah kepada Allah di mana saja kamu berada dan ikutilah kejahatan itu dengan kebaikan nescaya ia(kebaikan) akan menghapuskannya(kejahatan) dan berakhlaklah kepada manusia dengan akhlak yang baik".
- vi) Alam seluruhnya.
  - Alam seluruhnya juga adalah hamba Allah yang sentiasa beribadat kepadaNya. Firman Allah bermaksud "dan tiada sesuatupun (daripada isi langit dan bumi) melainkan semuanya bertasbih dan memuji Allah akan tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka" (al-Isra':44).
  - Kerana itu semua isi kandungan langit dan bumi hendaklah diperlakukan dengan baik dan ihsan tanpa mendatangi kemusnahan dan kerosakan. Malah utusan

Rasulullah SAW sendiri ialah untuk membawa rahmat ke seluruh alam, bukan khusus untuk manusia sahaja. Firman Allah bermaksud “dan tidak Kami utuskan kamu melainkan untuk membawa rahmat keseluruh alam”(al-Anbiya’:107)

### **Pembangunan Siasah**

Rasulullah s.a.w dalam membangun modal Insan dari aspek pembangunan siasah menekankan prinsip-prinsip asas siasah Islam (Abul A’la al-Maududi 1976) seperti berikut :

- Hakimiyyah Ilahiyyah-Kuasa pengadilan dan kedaulatan hukum tertinggi dalam sistem politik Islam hanyalah hak mutlak Allah. Hakimiyyah Ilahiyyah juga bermaksud:

1. Bahawa Allah pemelihara alam semesta. Tiada jalan lain bagi manusia kecuali patuh dan tunduk kepada sifat Illahiyyah nya.
2. Hak untuk menghakimi dan mengadili hanya dimiliki oleh Allah.
3. Allah sahaja yang berhak mengeluarkan hokum sebab dialah satu satunya pencipta.
4. Allah sahaja yang berhak mengeluarkan peraturan – peraturan.

- Risalah

Risalah bererti bahawa kerasulan beberapa orang lelaki di kalangan manusia sejak Nabi Adam hingga Nabi Muhammad SAW adalah satu asas yang penting dalam Sistem Politik Islam. Para rasul menyampaikan, mentafsir dan menterjemahkan segala wahyu Allah dengan ucapan dan perbuatan mereka.

- Khilafah

Khilafah bererti perwakilan manusia di atas muka bumi ialah sebagai wakil Allah. Manusia dikehendaki melaksanakan undang – undang Allah dalam batas-batas yang ditetapkan. (Abul A’la al-Maududi 1976)

Selain itu, pembangunan insan modal dari aspek pembangunan siasah dimantapkan dengan pelaksanaan undang-undang syariat Islam. Ianya telah dibuktikan melalui sejarah bahawa syariat Islam selama 13 abad telah mampu mendamaikan umat yang terdiri daripada pelbagai etnik dan fahaman. (Yusuf Qaradawi 2001 : 15)

Malah syariah mampu membangun insan modal dari aspek pembangunan siasah dan telah mendapat pengiktirafan dari pemikir dan pakar undang-undang barat yang telah mengkaji syariat Islam. Antaranya adalah seperti berikut :

- Dr. Shifferer Dekan Fakulti Hukum, Universiti Wina menegaskan bahawa meskipun Muhammad itu seorang yang *ummi* namun ia mampu membawa syariat yang unggul dan bangsa Eropah memerlukan dua ribu tahun untuk boleh membuat perundangan sama dengannya.
- Dr. Hocking Ketua Dekan Ilmu Falsafah Universiti Havard pula menegaskan kemajuan bagi negara-negara adalah setiap muslim harus mendapat sumber daya dan kemajuan dari agamanya...Islam mempunyai daya yang luar biasa dalam dirinya. Islam juga menungguli dalam banyak hal apabila dibandingkan dengan syariat yang serupa. Halangan yang dihadapi selama ini adalah kerana tiada kemahuan untuk mempergunakan sumber-sumber kekuatan tersebut.
- Bernard Shaw juga mengakui bahawa Islam mempunyai potensi dan akan terus hidup. Hanya agama Islamlah yang mempunyai potensi berjalan sejajar

- dengan kepentingan hidup umat manusia, setiap masa dan zaman.
- H.G Wells telah menyatakan bahawa undang-undang hukum pentadbiran dan hukum perdagangan yang berlaku di Eropah pada dasarnya berasal dari syariat Islam. Itulah sebabnya Eropah terhutang budi pada Islam.
  - Dr. Isacco Ensepatto secara objektif menegaskan bahawa syariat Islam dalam banyak hal melebihi perundangan negara-negara Eropah. Ia juga merupakan perundangan yang paling lengkap di dunia. (Yusuf Qaradawi 2001, *Syariat Islam untuk Sepanjang Zaman dan Semua Tempat* : 152-153)

Keterangan di atas tentang keistimewaan syariah Islam jelas menunjukkan bahawa syariah Islam adalah sangat relevan untuk dijadikan panduan hidup semua manusia dan sesuai sepanjang masa serta diamalkan di mana-mana tempat. Oleh sebab syariah Islam adalah ciptaan Allah yang menjadikan semua makhluk termasuk manusia, maka sudah pasti syariah sesuai dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri.

### **Persaudaraan Ummah**

Rasulullah s.a.w membangun sumber manusia dengan slogan “semua manusia berasal dari keturunan Adam a.s”. Oleh itu dari awal-awal Nabi Muhammad s.a.w amat memberi penekanan penting tentang perpaduan ummah untuk memantapkan pembangunan ummah. Persaudaran yang terjalin antara muhajirin dan ansar adalah persaudaran yang begitu unik yang pernah tercatat dalam sejarah dunia. Nabi Muhammad s.a.w sedar kekuatan modal Insan bergantung kepada perpaduan ummah. Malah persaudaraan ummah adalah satu fitrah yang sudah ada dalam diri insan yang tidak boleh hidup tanpa berinteraksi.

Islam memandang semua manusia sebagai satu dan mempunyai satu asal-usul. Tiada keutamaan di kalangan manusia dengan warna kulit, jenis atau bahasa kerana semuanya berasal dari Adam dan Adam berasal dari tanah. Risalah Muhammad s.a.w adalah risalah antarabangsa, dakwa kepada semua manusia untuk memberi hidayat kepadanya. Firman Allah s.a.w : Katakanlah (wahai Muhammad) : Wahai sekalian manusia! Aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semua...(Al-A'raf : 158).

Maka kesatuan asal-usul manusia ialah satu asas yang menjadi sandaran hubungan dalam Islam sama ada ia hubungan individu, jamaah atau antarabangsa. Hubungan semasa manusia dalam konteks persaudaraan sejagat adalah meliputi pelbagai kehidupan manusia.

Maka jelas aspek penting yang ditekankan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w adalah dalam pembangunan diri manusia seperti mendidik jiwa, hati dan kerohanian. Jadi, fokus utama adalah membangun iman dan keyakinan serta pandangan tentang kehidupan (Mohd. Radzi Othman (ed) : 2003).

Malah Alexis Carrel, pemenang hadiah Nobel dalam bidang sains, menegaskan dalam bukunya “*Manusia: Makhluk Yang Misteri*” bahawa perlu usaha membangunkan semula manusia dalam keperibadian yang sempurna yang diporak-perandakan oleh kehidupan moden...kita mesti membebaskan diri daripada teknologi yang buta serta membebaskan diri kita daripada kebodohan tentang diri kita sendiri. (Yusuf Qaradawi 1999 : 106)

### **Model pembangunan modal Insan ustaz Hasan al-Banna**

Penulis ingin membincangkan strategi pembangunan modal insan di kalangan masyarakat Aceh yang menjurus kepada pembangunan pendidikan, pembangunan sahsiah dan pembangunan politik berdasarkan model pembangunan yang diutarakan oleh mujahid reformis Islam yang kontemporari ustaz al-Banna

## **Rasionalnya memilih model pembangunan modal Insan ustaz Hasan al-Banna**

Dalam membangun modal Insan di Aceh dicadangkan agar diguna-pakai asas pembangunan negara yang dicanangkan oleh mujahid reformis Islam yang kontemporari ustaz al-Banna. Penulis percaya pemilihan model pembangunan modal insan yang dicanangkan oleh Ustaz al-Banna (Abdul Hamid al-Ghazali (2004) : Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah”: Kajian berdasarkan gagasan Imam Al-Banna) amat sesuai dilaksanakan di kalangan masyarakat Aceh atas beberapa sebab yang digariskan di bawah ini :

- Beliau telah menggariskan beberapa asas dalam pembinaan sebuah negara Islam contoh dan juga teras kepada pemulihan masyarakat manusia yang bersepadu berlandaskan al-Quran dan sunnah.
- Beliau turut menjelaskan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh individu dan masyarakat Islam untuk melaksanakan dan megukuhkan asas ini secara lebih berkesan.
- Beliau bukan sahaja mememukakan idea-idea teoritik ke arah membangun modal insan yang holistik malah memberi berikan satu ‘blue print’ untuk dijadikan modulus operandi ke arah membina pembangunan sebuah negara Islam contoh.
- Beliau juga berjaya menggariskan asas-asas penting yang menjadi agenda pembangunan ummah yang menrangkumi aspek pembangunan pendidikan, pembangunan sahsiah dan pembangunan politik.

Berikut adalah pandangan terperinci Ustaz al-Banna tentang dua elemen yang perlu untuk pembangunan modal insan sebuah negara Islam contoh yang sesuai diguna-pakai dengan latarbelakang pembangunan modal insan dalam sejarah Aceh yang berkiblatkan Islam.

### **1. Asas Pembangunan**

Ustaz al-Banna menegaskan suatu hakikat bahawa al-Quran merupakan garis panduan lengkap yang menggariskan seluruh asas ke arah pembangunan manusia dan masyarakat. Dengan itu sudah tentu, al-Quran menjadi asas kepada pembinaan sebuah negara Islam. Beliau menegaskan bahawa asas ini boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. Ketuhanan (rabbani)
- b. Mengangkat martabat manusia.
- c. Mengesahkan wujudnya hari pembalasan.
- d. Melaungkan ikatan persaudaraan seluruh manusia.
- e. Mengajak kaum lelaki dan wanita supaya bangkit bersama. Mengisytiharkan kerjasama dan kesaksamaan antara lelaki dan wanita serta menggariskan peranan masing-masing secara terperinci.
- f. Menjamin kestabilan masyarakat dengan cara memperakui hak untuk hidup, memiliki harta, hak bekerja, hak kesihatan tubuh badan, hak kebebasan, hak berilmu, hak keselamatan setiap individu dan hak menentukan sumber pendapatan.
- g. Mengawal dua naluri manusia iaitu naluri menjaga keselamatan nyawa dan naluri menjaga kesinambungan zuriat, di samping mengatur keperluan mulut dan seks.
- h. Tegass dalam, memerangi jenayah yang sebenar.
- i. Memelihara perpaduan umat Islam dan mengapuskan segala bentuk dan punca yang membawa perpecahan.
- j. Mewajibkan umat Islam melaksanakan jihad demi menegakkan prinsip kebenaran yang diketengahkan oleh sistem ini.
- k. Meletakkan negara sebagai wakil kepada gagasan (fikrah) ini dan bertindak sebagai penjaga gagasan ini. Negara ini juga bertanggungjawab mencapai matlamat gagasan ini dalam sebuah masyarakat dan kemudian menyampaikan gagasan kepada seluruh manusia.

## 2. Pelan Tindakan Pembangunan Manusia

Menurut Ustaz Hasan al-Banna sistem al-Quran yang berbeza dengan sistem-sistem ciptaan manusia atau falsafah teoritikal yang lain kerana segala prinsip dan ajaran al-Quran yang berbentuk teori bukan hanya bertempat dalam jiwa atau sekadar pandangan yang tertera dalam buku atau ungkapan yang diucap di mulut atau bibir sahaja. Sebaliknya demi memantap, mengukuh dan merealisasikan kesan serta hasilnya, Islam meletakkan beberapa bentuk tindakan. Islam juga mewajibkan umat yang mengimani dan menganutinya supaya bersungguh-sungguh mengamalkannya. Malah Islam meletakkan amalan-amalan ini sebagai suatu kewajipan yang tidak boleh dipandang ringan atau diabaikan. Islam juga memberikan ganjaran kepada mereka yang mengamalkannya dan menghukum sesiapa yang cuai hingga ke tahap menyingkirkannya daripada masyarakat ini dan mencampakkannya ke tempat yang menyeksakan.”

Ustaz al-Banna menjelaskan bahawa tanggungjawab yang dipikul oleh individu dan masyarakat dalam usaha melaksana dan mengukuhkan asas yang perlu dalam pembangunan modal insan sebuah negara Islam. Seterusnya Ustaz al-Banna turut menggariskan beberapa tanggungjawab atau kewajipan manusia yang menjadi sebagai teras kepada ajaran Islam iaitu :

- Sembahyang , zikir, taubat, istighfar dan sebagainya.
- Puasa, bersederhana dan berwaspada dengan kemewahan.
- Zakat, sedekah dan memberi sumbangan untuk kebajikan.
- Haji, pelancongan, lawatan, penerokaan dan melihat alam ciptaan Allah.
- Mencari rezeki, bekerja dan mengharamkan amalan mengemis
- Jihad, berperang, mempersiapkan angkatan tentera, menjaga keluarga para pejuang dan kepentingan mereka semasa ketiadaan mereka.
- menyuruh perkara yang baik dan memberi nasihat.
- mencegah perkara yang tidak baik serta memulaukan tempat dan pelakunya.
- membekalkan setiap lelaki dan wanita Islam dengan ilmu dan pelbagai kemahiran hidup yang sesuai dengan fitrah masing-masing.
- Bergaul dengan baik dan memilih sepenuh akhlak yang baik.
- menjaga kesihatan dan pancaindra.
- Tanggungjawab sosial antara memelihara rakyat dan kewajiban mentaati pemerintah. (Antara semalan dan hari ini)


Malah Ustaz al-Banna menegaskan betapa pentingnya segala kewajipan ini dilaksanakan, menurut beliau ;

Setiap orang Islam dituntut melaksanakan segala kewajipan ini dan memastikan pelaksanaannya sebagai mana yang dikehendaki oleh Islam. Mereka juga tidak boleh mengabaikan mana-mana kewajipan ini. Semua kewajipan ini telah dinyatakan dalam al-Quran al-Karim. Malah telah dijelaskan dengan cukup terperinci melalui amalan Nabi s.a.w, para sahabat dan generasi yang berikutnya dengan cara yang amat mudah dan jelas. Setiap satu atau beberapa amalan tersebut di atas berperanan bagi memantap dan mengukuhkan satu-satu prinsip atau beberapa prinsip yang telah dinyatakan oleh teori sebelum ini yang hendak dicapai oleh Islam dan membolehkan manusia merasai serta kesannya. (Antara semalan dan hari ini).

Selain itu, beliau menggariskan modus operandi pembangunan sahsiah manusia yang mempunyai matlamat dan kaedah pelaksanaan yang tersusun dan sistem yang mampu

menjana pembangunan sahsiah setiap insan. Berikut adalah *blue print* dalam bentuk jadual lengkap untuk pembangunan sahsiah insan yang berkiblatkan ajaran Islam iaitu :

Rajah 4: Asas Pembangunan Sebuah Negara dan Pelan Tindakan



(Sumber:Abdul Hamid al-Ghazali:”Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah”)

Maka jelas gagasan pembangunan modal Insan Ustaz Hassan al-Banna mempunyai kerangka teori(conseptual frame work) dan modus operandi adalah berkiblatkan ajaran Islam dan sesuai untuk digunai-pakai untuk pembangunan modal insan di Aceh yang berkiblatkan ajaran Islam. Malah gagasan beliau adalah berdasarkan sumber Islam yang diakui dan diiktiraf oleh umat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Pendek kata gagasan pembangunan modal Insan ustaz Hassan al-Banna adalah bersifat universal(ummah) sesuai dengan Islam sebagai agama yang bersifat universal.

## Rumusan

Sejarah tamadun manusia menjadi saksi bahawa Islam amat mementingkan pembangunan pendidikan. Hakikat kecemerlangan Islam dalam bidang Ilmu dinukilkan dengan kata-kata yang merangsangkan oleh Muhammad Asad dalam karyanya yang berjudul “*Islam At The Crossroads*” (1982 : 66-67)) bahawa :

*History proves beyond any possibility of doubt that no religion has ever given a stimulus to scientific progress comparable to that of Islam. The encouragement which learning and scientific research received from Islamic theology resulted in the splendid culture achievement in the day of the Umayyads and Abbasids and The Arab rule Sicily and Spain. I do not mention in order that we might boast of those glorious memories at a time when the Islamic world has forsaken its own traditions and reverted to spiritual blindness and intellectual poverty. We have no right, in our present misery, to boast of past glories. But we must realize that it was the Muslim and not any deficiency in the teachings of Islam that cause our present decay... Islam has never been barrier to progress and science. (Muhammad Asad 1982 : 66-67)*

Kenyataan di atas adalah bukti jelas bahawa Islam tidak menjadi batu penghalang kepada ilmu dan kemajuan. Malah pencapaian ilmu dalam pelbagai bidang pendidikan amat digalakkan. Sepanjang perkembangan sejarah tamadun Islam pencapaian tokoh-tokoh Islam dalam pelbagai bidang Ilmu amat mengagumkan. Kecemerlangan pencapaian tokoh ilmuwan dalam tamadun Islam telah digambarkan dengan menyeluruh dan mendalam oleh Seyyed Hossein Nasr dalam nukilan indah, karyanya yang berjudul “*Science and Civilization in Islam*” (1984 : 41 ) bahawa :

*Throughout Islamic History, the center figure in the transmission of the sciences has been the wise man, or hakim. He has usually been a physician, a writer and poet, an astronomer and mathematician, and above all, a sage. In this figure of the hakim, one can see the unity of the sciences as so many branches of a tree whose trunk is the wisdom embodied in the sage. The hakim has always established the unity of the sciences in the mind of students, by the very fact of his teaching all the sciences as so many different application of the fundamental principles. The Islamic teaching system as a whole and the classification of the sciences, which form its matrix, are themselves dependent upon this figure of the hakim or sage. (Seyyed Hossein Nasr 1984 ; 41)*

Keunggulan tamadun Islam dalam bidang ilmu pengetahuanlah yang mendorong kebangkitan Eropah dan pencapaiannya dalam bidang sains dan teknologi. Eropah adalah terhutang budi kepada tamadun Islam kerana tanpa tamadun Islam telah memberi nyawa baru untuk dunia Eropah maju dalam bidang ilmu dan menunggulinya sekarang. Malah Robert Briffault dalam *The Making of Humanity* sejarawan Eropah sendiri terpaksa akur sumbangan tamadun Islam kepada dunia Eropah sebagaimana kenyataan berikut :

*“Science is the most momentous contribution of Arab Civilization to the modern world ... It was not science only which brought Europe back to life. Other and manifold influences from the civilization of Islam communicated its first glow to European life. (Nadwi 1980 : 88)*

Sementara laporan tahunan UNESCO 1982 menyatakan bahawa banyak negara telah pun mengambil serta menerima tujuan-tujuan pendidikan yang luhur serta kaedah-kaedah yang termaktub dalam pendidikan Islam seumpama konsep darjat manusia untuk mencapai kesempurnaan kemanusiaan melalui pendidikan dan konsep pendidikan seumur hidup. (Al-Kilani Majid 1985, : 254.

Jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber manusianya. Justeru, agenda pembangunan sumber manusia perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu.

Teganya konsep pembangunan modal insan dalam Islam adalah proses untuk membentuk insan yang baik dan berguna di dunia dan akhirat. Sememangnya, inilah yang dijanjikan oleh Allah dalam firman-Nya bermaksud:

“Sekiranya penduduk suatu negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami akan membuka kepada mereka (pintu-pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi.” (Surah al-A’raf, ayat 96)

Seterusnya, Iman al-Banna dalam risalahnya “Dakwah kita di Era baru” menegaskan bahawa semangat sejagat dan kemanusiaan adalah matlamat kita yang paling utama. Idea kesejagatan perlu mengambil alih fahaman kebangsaan dan perkauman yang dianuti masyarakat manusia sebelum ini. Setiap orang harus menyumbang bata-bata ke arah membina kemanusiaan ini.

Sesungguhnya Kami memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah melebihi mereka selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang Kami ciptakan (Al-Isra’ : 70)... Sesungguhnya yang semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amal kamu) (al-Hujurat : 13).

Al-Faruqi (2000) menegaskan intisari agama Islam adalah tauhid (aqidah Islam) iaitu mengesakan bahawa Allah s.w.t adalah Yang Maha Esa, Yang Maha Sempurna, Pencipta Yang Maha Berkuasa, Tuan dan Raja segala yang wujud di alam semesta ini...segala-segala akan hancur jika tauhid diingkari...tanpa tauhid tidak aka nada agama Islam.

Seterusnya menurut Abu Said Al-Khudriy, Rasulullah s.a.w telah bersabda “ Apabila Musa a.s bertanyakan kepada Allah mengajarnya berdoa setiap kali dia teringatkan atau diperintah oleh Allah. Allah berfirman, “Katakanlah wahai Musa tiada Tuhan melainkan Allah”, Musa berkata, Ya Tuhan kami kesemua hambamu melafazkan kata-kata ini. Allah berfirman “Wahai Musa, jika ketujuh-tujuh lapisan langit dan tujuh lapisan bumi serta apa yang dijunjungnya dibandingkan dengan nilanya dengan lafaz “ Tiada tuhan melainkan Allah” sudah tentu lafaz itu lebih bernilai. Inilah modal insan yang utama yang harus difokuskan dalam pembangunan modal insan serta tauhid perlu mengakar secara menyeluruh dalam cabang pembangunan pendidikan, sahsiah dan siasah di Aceh yang dicadangkan dalam kertas kerja ini.

*Bangunlah wahai insan-insan Aceh!  
Renungilah mutiara kata Allama Iqbal:  
Lihatlah ke dalam tanah liat kamu sendiri  
Untuk mendapatkan api yang dikehendaki  
Cahaya seorang lain tidak berharga  
Untuk diusahakan.  
...Abadikan dan sebatikan Tawheed(keesaan Allah)  
pada kalbumu Carilah penyelesaian kepada masalah-masalahmu  
Dengan berpegang teguh kepada tradisi-tradisimu.*

## **Rujukan**

- Ali, `Abdullah Yusuf 1993. *The Meaning of The Holy Qur'an*. Brentwood, Maryland: Amana Coporation.
- Abu Urwah 2001. *Sistem-sistem Islam Satu Analisis Perbandingan*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ahmad, Khursid 1974, Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam, Selangor : ABIM
- Al-Attas, Konsep Pendidikan dalam Islam, Bandung: Mizan 1984 hal. 60 dan 75.
- Al-Attas, 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam* (terj.) Samsudin Jaafar Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Al-Kilani, 1985. *Irsani Tasauwur Mafhum al Nazariat al Tarbawiyah al Islamiyyah*, Maktabah Dar al Turats Madinah al-Munawwarah.
- Amini Amir Abdullah, 1994. *Pemikiran Islam : Peranan Tokoh-Tokoh Islah dan Cabaran Aliran-Aliran Pemikiran Semasa U. S. M.* Tesis sarjana sastera.
- Asad, Muhammad, 1982. *Islam At The Crossroads*, Gibraltar: Dar al-Andalus Limited.
- Ashraf Nurdin, 1985. *Pujangga Iqbal*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Attas, Syed Muhammad Al- Naquib Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam (terj.) Samsudin Jaafar Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka 1992 hal. 180
- Daudy Ahmad 1983. *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*. Jakarta: CV Rajavali.
- Dhaouadi Mahmoud, 1997. *New Explorations Into Making of Ibn Khaldun's Umaran Mind*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Durant, Will The Story of Civilization Second Edition New Jersey: (t.n.p), 1939, hal. 338-346
- First World Conference on Muslim Education anjuran Universiti Malik Abdul Aziz, Jeddah, bertempat di Makkah Al-Mukarramah pada 31hb. Mac-8hb. April 1977
- Ghazali Basri, 1984. *Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam*, Jurnal Pendidikan Islam.
- Ghazali, Abdul Hamid”Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah”:Kajian berdasarkan Gagasan Imam Al-Banna, Penerbitan Teras Bakti, Selangor. hal. 21
- Ghazali, 1976. *Ihya 'Ulum al-Din Jilid 3*, Kaherah : Mua'assah al-Halabi wa Shurakah li al-Nashr wa al-Tawzi h. 68
- Ghazzali, 1980. *Ihya Ulumuddin*. Indonesia : Menara Kudus.
- Gilani, Syed Asad 1984 *Maududi Thought & Movement Lahore-Pakistan* : Islamic Publicatio(PVT) Ltd. 1984, hal 322-323
- Hairuddin Harun, 1970. *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam*. Kuala Lumpur:PUM
- Hamka 1994 *Sejarah Umat Islam*. Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd.

- Haron Din, 2000. *Manusia Dan Islam*, Jilid 2 Cet. 3 Kuala Lumpur: Dewan dan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Feroze 1970. *The Political Philosophy of Iqbal*. Lahore: United Ltd.
- Hassan Langgulong 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Hasan Langgulong 1987 *Asas –Asas Pendidikan Islam*, Indonesia: Pustaka al-Husna.
- Izutsu 1964 God dan Man in Koran, Studies in Humanities dan Sosial Relations. Jil. 5 Tokyo : Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies.
- Ishammudin Hj. Ismail 1993. *Panduan Asas Kaunselor Muslim*. Selangor Darul Ehsan: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Jameelah Maryam 1982. *Islam and Modenisme* Lahore: Muhammad Yusuf Khan.
- Kamal Abdul Manaf 1996. *Manusia dan Personaliti: Membentuk Insan yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Khaldun.Ibn 1995. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lihat “*Pembangunan Sumber Manusia Soal Hidup Mati Negara Islam*” dalam Utusan Malaysia, 21 Februari 2005.
- M.Dawam Rahardjo 1985. *Insan Kamil : Konsepsi manusia menurut Islam*. Jakarta: PT. Grafiti Pers.
- Marbawi, 1350M. *Kamus Arab Melayu*, Kaherah : al-Matbaah Mustafa al-baby al-Halaby.
- Maududi, S.Abul A’la 1976. *The Meaning of the Qur’an*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Maududi, 1976. *Islamic Way of Life*, Kota Bharu Kelantan : Al-Ahliyah Sdn Bhd.
- Maududi, 1989. *Sayyid Abul A’la Maududi,dalam Kenangan* (terj.) Elias Ismail Kuala Lumpur : Dar Al-Alami Publication,1989.
- Mohamad Nordin Zainuddin(terj.), 1989, *Pendidikan dan Masyarakat dalam Dunia Islam* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan , Dewan Bahasa Dan Pustaka,
- Mohd. Kamal Hassan, 1988. *Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Muhammad Hisyam Bin Mohamad 2005. Berita Harian.
- Muhammad Syukri Saleh 2003. *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur : Zebra Edition Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Saleh 2002. *Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur:Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd.
- Mustaffa al-Bugha Muhyiddin Misto (t.t) *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi Hadis*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

- Nadwi, 1980. *Islam and The World*, (terj.) Mohammad Asif Kidwi Lucknow India: Academy of Islamic Rearch & Publications.
- Nailul Murad Mohd.Nor & Hanapi Md. Noor, 2000. *Pengurusan Sumber Manusia dalam Pengurusan Pembangunan Islam* ; prosiding Seminar IDMP & USM Pulau Pinang
- Nasr,Seyyed Hossein 1984. *Science and Civilization in Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Osman Bakar 1994, *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam*, (ed) Baharudin Ahmad. Kuala Lumpur: DPB
- Qaradawi Yusuf 2000. *Permasalahan Umat Islam Masa Kini*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers
- Qaradawi, Yusuf 1999. *Tamadun Islam : Alternatif Masa Depan*, (terj) Juanda Hj. Yahya, Selangor: Maktabah al-Qaradawi.
- Qaradawi, Yusuf 1999. *Tamadun Islam : Alternatif Masa Depan*. (terj.) Juanda Hj. Jaya. Selangor: Maktabah al-Qardawi.
- Qaradawi, Yusuf 2000. *Berita-Berita Gembira Tentang Kemenangan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers
- Qaradawi, Yusuf 2001. *Islam Sepanjang Zaman dan Semua Tempat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Qardhawi, Yusuf 1999. *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*. Selangor: Maktabah al - Qardhawi.
- Quasem, Abul, 1975. *The Ethics of al-Ghazzali : A Composite Ethics in Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rahman, Afzalur 1980. *Islam, Ideology and The Way of Life*. London: The Muslim School Trust.
- Rahman, Muhammad Fazlur 1984. *The Quranic Foundation and The Structure of Muslim Society*(terj.) Bandung : Risalah
- Recommendation, First World Conference on Muslim Education, Mecca, 1977 dalam Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (ed) Aim and objective of Islamic Education. London: Hodder and Stoughwon
- Rozsenthal, Franz, 1972. *Knowledge Triumphant*, Leiden: E.J Brill.
- Shabuddin Hashim 2003 *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti* Bentong: PTS Publication.
- Shipley, Joseph T. 1975. *Dictionary of Word Origin*, Ames Iowa.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 2001. *Persoalan Epistemologi Islam Dalam Karya Hamka*, Seminar Pemikiran Hamka ke-2 pada 28 Julai 2001 di Dewan Budaya U.S.M Pulau Pinang, DPB.
- S.H al-Shamma, 1959. *The Ethical System Underlying The Quran: A study of Certain Positive and Negative Nations*, Tubingen, German: Hopfer-Verlag.

Shaik Abdullah Hassan 2004 Konsep Manusia dan Masyarakat Mnegikut Pemikiran ‘Ali Syari’at : Satu Kajian Dari Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah, (M.A) :USM

Tajul Ariffin Nordin & Nor’ Aini Dan 2002. *Pendidikan dan Pembangunan*, Selangor : As-Syabab Media.

Teuku Iskandar, 1970. *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

‘Umaruddin. 1991. *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur

Zaydan, Abd. Karim, 1979. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, Kuala Lumpur.